

S P E E C H E S

**Ucapan Aluan
oleh
Dato' Dr. Mohd Munir Abdul Majid
Pengerusi Suruhanjaya Sekuriti**

**30 Oktober 1998
Pan Pacific Legacy, Melaka**

Assalamu'alaikum wt.wb.

Segala puji bagi Allah Tuhan Semesta Alam, Solawat dan Salam kepada junjungan Nabi Besar Muhammad Sollallahu 'Alaihi Wasallam, juga kepada kaum keluarganya, para sahabatnya dan semua pengikut-pengikutnya.

Yang Berbahagia Sohibussamahah Dato'-Dato' Mufti, Pengarah-Pengarah Bahagian, dif-dif yang dihormati, serta tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Alhamdulillah, saya bersyukur kerana Suruhanjaya Sekuriti dapat mengadakan Seminar Pakar Syari'ah buat kali ketiganya. Seperti yang tuan-tuan dan puan-puan maklum, seminar seumpama ini telah diadakan pada 14/12/1994 dan 30 /5/1997 yang lepas. Pada seminar yang pertama, kita hanya dapat memberikan pendedahan tentang peranan Suruhanjaya Sekuriti sebagai penyelia pasaran modal negara ini. Seminar kedua pula menekankan pembangunan pasaran modal Islam. Dalam seminar kali ini pula kita maju setapak lagi kepada perbincangan yang lebih teknikal iaitu kepada Bon Tanda Aras Islam dan Pasaran Hadapan Komoditi.

Krisis kewangan yang melanda rantau Asia pada pertengahan tahun lalu telah memberikan kesan yang negatif kepada ekonomi negara. Nilai ringgit dan saham negara kita mengalami kejatuhan yang teruk. Keluaran Dalam Negara Kasar pada suku pertama tahun ini telah kuncup pada kadar tahunan sebanyak 1.8%, iaitu pertumbuhan negatif KDNK pertama kali dalam 13 tahun. Penguncupan ini berterusan sebanyak 6.8% pada suku kedua tahun ini.

Semua perkembangan ini mendesak kerajaan bertindak segera untuk memulihkan ekonomi negara. Antara fokus pemulihan ekonomi negara dalam Pelan Pemulihan Ekonomi Negara adalah kepada penstabilan pasaran kewangan dan pasaran modal. Langkah-langkah khusus seperti kawalan modal telah pun diambil dan telah mula menampakkan hasil yang positif. Begitu juga langkah telah diambil untuk mengukuhkan kedudukan BSKL sebagai pasaran tunggal bagi dagangan sekuriti syarikat-syarikat yang tersenarai di bursa itu.

Menyedari bahawa pembiayaan dana melalui sektor perbankan sahaja tidak mencukupi untuk memenuhi keperluan bagi pembangunan negara, maka pengukuhan pasaran

S P E E C H E S

modal negara menjadi tumpuan. Ia penting dalam usaha untuk mendapatkan modal melalui berbagai instrumen yang diperkenalkan.

Untuk membolehkan masyarakat Islam lebih bergiat di dalam pasaran modal ini, kerajaan melalui Suruhanjaya Sekuriti berusaha memajukan produk-produk konvensional yang tidak bertentangan dengan Syari'ah bagi dimanfaatkan di dalam sistem yang sedia ada. Dengan ini bukan setakat masyarakat Islam sahaja akan mendapat faedah bahkan mereka yang bukan beragama Islam juga turut mendapat manfaat yang sama.

Perkembangan pasaran modal Islam di Malaysia sebelum ini tertumpu khususnya di dalam pasaran bon. Saiz pasaran bon Islam meningkat dari RM25 juta pada tahun 1992 kepada RM2,350 juta pada tahun 1996. Pada tahun 1998, peningkatannya lebih ketara iaitu menjangkau kepada RM6,890 juta. Peningkatan ini dijangka lebih agresif di tahun-tahun yang akan datang dengan adanya minat yang mendalam di kalangan institusi-institusi untuk menawarkan instrumen modal berlandaskan Syari'ah.

Dalam bidang pembrokeran saham pula, di samping BIMB Securities Sdn Bhd yang diberi lesen untuk menjalankan pembrokeran saham berlandaskan Syari'ah, terdapat juga syarikat-syarikat pembrokeran saham konvensional yang mengadakan kaunter Islam atau "Islamic Window" untuk pelabur-pelabur yang inginkan perkhidmatan pembelian saham berlandaskan Syari'ah. Setakat ini terdapat sebanyak empat buah syarikat menawarkan perkhidmatan seperti itu dan telah berjalan dengan lancar dan baik.

Industri amanah saham juga sedang berkembang. Kini, terdapat 13 skim unit amanah yang pengendalian dananya adalah berteraskan Syari'ah berbanding 10 pada tahun 1997. Ini menunjukkan minat institusi untuk mengendalikan tabung unit amanah berlandaskan prinsip Syari'ah semakin bertambah.

Bagi memenuhi permintaan pasaran terhadap perkembangan sistem pasaran Islam, Suruhanjaya Sekuriti telah mengambil langkah-langkah positif untuk memupuk perkembangan pasaran modal Islam supaya berjalan dengan terancang dan baik.

Langkah yang diambil sehingga kini boleh dibahagikan kepada tiga peringkat. Peringkat pertama adalah penyediaan infrastruktur yang sesuai untuk perkembangan berterusan pasaran modal Islam. Manakala langkah kedua pula melibatkan pengembangan instrumen serta institusi pasaran modal Islam itu sendiri dan diikuti dengan langkah ketiga yang menekankan aspek pendidikan dan penerangan.

S P E E C H E S

Penyediaan infrastruktur

Suruhanjaya Sekuriti telah mula menyediakan infrastruktur bagi membolehkan perkembangan pasaran modal Islam sejak tahun 1994 dengan penubuhan Unit Pasaran Modal Islam. Ini diikuti dengan penubuhan Kumpulan Penyelidikan Instrumen Islam yang kemudiannya telah diganti dengan satu badan yang lebih formal iaitu Majlis Penasihat Syari'ah, Suruhanjaya Sekuriti.

Peranan Unit Pasaran Modal Islam adalah membuat penyelidikan tentang pasaran modal Islam serta membuat perancangan yang sewajarnya bagi pembangunan pasaran modal Islam di Malaysia. Unit ini dianggotai oleh pegawai yang mempunyai latar belakang pendidikan dalam bidang muamalat serta fiqh dan juga mereka yang mahir mengenai instrumen pasaran dan kewangan semasa. Kombinasi kepakaran yang dimiliki akan dapat menghasilkan penyelidikan yang mantap dari dua perspektif iaitu konvensional dan Syari'ah.

Sementara itu, peranan Majlis Penasihat Syari'ah adalah memberi nasihat kepada Suruhanjaya Sekuriti untuk memaju dan mengembangkan lagi pasaran modal Islam. Buat masa ini ahli-ahli Majlis dianggotai oleh tujuh orang penasihat terdiri dari mufti, ahli-ahli akademik yang mempunyai latar belakang Syari'ah serta sistem kewangan Islam dari universiti tempatan dan ahli korporat. Majlis ini pada masa ini dipengerusikan oleh Yang Amat Arif Dato' Sheikh Azmi Ahmad.

Pengembangan instrumen dan institusi pasaran modal Islam

Dalam memajukan instrumen dan institusi pasaran modal Islam, Unit Pasaran Modal Islam dan Majlis Penasihat Syari'ah akan menganalisis instrumen yang sedia ada di pasaran modal dan mengenal pasti sama ada ia boleh diterima pakai atau tidak menurut Syari'ah.

Setakat ini, kajian yang telah dibuat adalah ke atas pengsekuritan aset, waran panggilan, Hak Langganan Boleh Pindah (TSR), Pinjam Meminjam Sekuriti (SBL), bon tanda aras, kontrak hadapan minyak sawit mentah dan kaunter-kaunter tersenarai di BSKL.

Hasil analisa yang dibuat ke atas kaunter-kaunter BSKL setakat ini, terdapat 542 buah sekuriti atau kira-kira 74% dari sebanyak 730 buah sekuriti tersenarai di BSKL, didapati lulus berdasarkan prinsip Syari'ah. Institusi-institusi pelaburan seperti KWSP, Socso, Kumpulan Wang Pencen dan Lembaga Tabung Angkatan Tentera telah mula menunjukkan minat untuk melabur di dalam sekuriti-sekuriti yang diluluskan itu. Sehingga 30 September 1998, didapati sebanyak RM20.5 bilion telah dilaburkan di dalam sekuriti-sekuriti yang diluluskan oleh Syari'ah.

Selain itu, kemajuan juga dicapai di dalam memajukan instrumen yang sedia ada di dalam muamalat seperti memajukan konsep ijarah, murabahah, musyarakah, bai' ud-

S P E E C H E S

dain, istisna', haqqut tamalluk, haqqul mali, al-ujar, bai' bithaman ajil, mudharabah, talfiq dan berbagai lagi.

Unit Pasaran Modal Islam bersama Majlis Penasihat Syari'ah juga memberi sumbangan penting terhadap memajukan piawaian perakaunan Islam. Tugas ini dijalankan dengan kerjasama Jawatankuasa Perakaunan Kewangan Islam.

Pendidikan dan penerangan

Dalam aspek pendidikan dan penerangan banyak usaha-usaha yang telah dilakukan oleh Suruhanjaya Sekuriti ke arah itu. Seminar Pakar Syari'ah yang diadakan ini merupakan salah satu contoh usaha Suruhanjaya Sekuriti untuk memberikan pendedahan kepada para mufti, pegawai kerajaan dan ahli akademik mengikuti perkembangan pembangunan Pasaran Modal Islam. Kami mengharapkan para peserta seminar ini kemudiannya dapat menyumbangkan tenaga dalam usaha memberikan penerangan dan pendidikan kepada masyarakat memandangkan mereka adalah orang yang paling dekat dengan mereka.

Selain itu Suruhanjaya Sekuriti juga akan mengadakan Seminar Bergerak di setiap universiti tempatan untuk memberikan pendedahan kepada para pelajar tentang pasaran Modal Islam.

Usaha ini tidak hanya terhad di peringkat nasional, malahan ianya melibatkan peringkat antarabangsa. Dua seminar Pasaran Modal Islam Peringkat Antarabangsa di Kuala Lumpur telah dianjurkan oleh Suruhanjaya Sekuriti.

Kesimpulan

Usaha Malaysia untuk memajukan Pasaran Modal Islam agar ia berkembang seiring dengan pasaran modal konvensional telah membuahkan hasil. Secara sedar atau tidak kejayaan ini telah mendapat pengiktirafan dari dalam mahupun luar negara. Malaysia dijadikan model bagi beberapa negara Islam di dalam membangunkan Pasaran Modal Islam. Memandangkan usaha pembangunan ini tidak hanya berhenti setakat ini sahaja, maka sumbangan yang berterusan dalam bentuk idea bernas daripada cendekiawan Islam tempatan dan luar negara adalah amat dialu-alukan.

Sekian saya ucapkan selamat berseminar, wabillahit taufiq walhidayah wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.